

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN

KENYATAAN MEDIA

KEJADIAN KEBAKARAN ASRAMA SMU(A) DARUL ULUM AL-MUHAMMADIAH, SELURUH WARGA SEKOLAH BERADA DALAM KEADAAN SELAMAT

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kelantan ingin memaklumkan mengenai insiden kebakaran di SMU(A) Darul Ulum Al-Muhammadiyah di Kelantan pada hari ini. Kebakaran telah mengakibatkan kerosakan kepada blok akademik yang menempatkan bilik darjah dan bilik penyelia asrama serta asrama murid lelaki.

Tiada kecederaan yang dilaporkan dalam insiden kebakaran ini. Semua murid, guru dan anggota kumpulan pelaksana di sekolah berkenaan telah dipindahkan ke kawasan yang selamat.

Pihak JPN Kelantan telah mengambil tindakan segera bagi memberi bantuan kepada warga sekolah yang terjejas. Ini bagi memastikan aspek keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan warga sekolah terpelihara.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN
12 APRIL 2026**